

RABU • 24.08.2016

sukan@utusan.com.my

# SUKAN

**PENGAJARAN DARI RIO**  
»39



Terjun, karate, berbasikal, memanah mampu sumbang pingat

# Badminton emas realistik

Oleh **AIZAWATI AHMAD**

aizawati.ahmad@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 23 OGOS

**B**IARPUN Sukan Olimpik Tokyo hanya akan berlangsung empat tahun dari sekarang, namun daripada bayangan awal yang boleh dilihat, badminton kekal satu-satunya sukan yang berpotensi menyumbang pingat emas buat Malaysia.

Bagaimanapun, sedikit berita baik buat rakyat Malaysia, jumlah sukan yang berpotensi menyumbang pingat (tanpa mengira warna) sudah bertambah dengan kemasukan karate dalam temasya

sukan terbesar dunia itu bermula pada 2020.

Menurut bekas Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Wira Mazlan Ahmad, badminton, terjun, berbasikal, memanah dan karate adalah prosek pingat Malaysia di Tokyo, namun apabila berbicara mengenai emas beliau hanya boleh membayangkan badminton.

“Saya jangkakan kita akan terus bergantung kepada badminton dalam banyak Olimpik, bukan di Tokyo sahaja. Saya memilih badminton kerana sukan ini jelas untuk menentukan siapa pemenang dan siapa yang kalah.

“Karate pula merupakan sukan

subjektif. Ini melibatkan pengadilan, sukar untuk kita mendapatkan mata tetapi berbeza dengan badminton, pungutan mata ditentukan berdasarkan bola masuk dan keluar (gelanggang). Malah, badminton juga sudah ada kad merah.

“Saya fikir badminton Malaysia masih berada di tahap yang tinggi terutama jika hendak dibandingkan dalam kalangan negara-negara pencabar,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.



MAZLAN AHMAD

Menurut Mazlan, jika dinilai dari segi *rating* sekalipun, beliau masih meletakkan badminton selaku sukan No. 1, diikuti terjun dan yang ketiga baharulah karate, yang membariskan naib juara dunia, Syakilla Salni Jefry Krisnan.

“Selepas itu bolehlah kita letak sukan memanah. Namun, sukan ini kita kena buat program lain, memanah perlu disusun semula. Mereka kena bersaing bagi memperbaiki kembali prestasi hambar di Temasya Rio,” ujarnya lagi.

Mengulas lanjut mengenai persediaan Malaysia pada 2020, Mazlan memberitahu, kerajaan telahpun memperkenalkan Program Podium sebagai persediaan ke temasya besar, termasuk Sukan Olimpik di Tokyo, Jepun.

Bagaimanapun, katanya, prestasi semasa atlet-atlet yang berada dalam program berkenaan perlu sentiasa dipantau dan platform terbaik untuk menilai keupayaan sebenar mereka adalah pada Sukan Asia dan Sukan Komanwel 2018.

“Selepas Sukan Asia (Jakarta, Palembang) dan Sukan Komanwel (Gold Coast) 2018, kita kena review kembali prestasi


atlet-atlet ini, sama ada mereka hendak dikekalkan untuk ke Olimpik 2020 atau digugurkan.

“Jadi, dua temasya itu merupakan platform terbaik untuk kita perhalusi lagi pencapaian atlet,” tegasnya.

Tambah Mazlan, mengkaji semula prestasi atlet selepas 2018 amat penting agar kontinjen dapat membentuk kumpulan atlet yang lebih mantap kerana Malaysia wajib memperbaiki pencapaian di Rio de Janeiro, terutama selepas masih gagal mendapatkan pingat emas pertama.

## POTENSI PINGAT MALAYSIA DI TOKYO 2020

RANKING MENGIKUT PANDANGAN MAZLAN AHMAD



TOKYO 2020



### BADMINTON

- PERSEORANGAN LELAKI  
ISKANDAR ZULKARNAIN, ZULFADLI ZULKIFLI
- PERSEORANGAN WANITA  
GOH JIN WEI, LEE YING YING
- BEREGU WANITA  
VIVIAN HO-WOON KHE WEI,  
AMELIA ALICIA ANSCELLY-SOONG FIE CHO
- BEREGU LELAKI  
GOH V SHEM-TAN WEE KIONG
- BEREGU CAMPURAN  
CHAN PENG SOON-GOH LIU YING

### TERJUN

- PANDELELA RINONG
- CHEONG JUN HOONG
- NUR DHABITAH SABRI
- WENDY NG YAN YEE
- OOI TZE LIANG
- AHMAD AMSYAR AZMAN
- CHEW YI WEI

### MEMANAH

- ATIQ BAZIL BAKRI
- HAZIQ KAMARUDDIN
- KHAIRUL ANUAR MOHAMAD
- MUHD. IKRAM JONI

### BERBASIKAL

- AZIZULHASNI AWANG
- MUHAMMAD SHAH FIRDAUS SAHROM
- MUHAMMAD FADHIL MOHD. ZONIS
- FATEHAH MUSTAPA

### KARATE

- S. SHREE SHARMINI
- SYAKILLA SALNI JEFRY KRISNAN

